

PERKEMBANGAN ILMU HADIS DI NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

Oleh:
Rohaizan Baru *

Abstract

This article attempts to find out to what extend have ‘Ilm al-Hadīth’ developed in Terengganu. It highlights the Malay ulamas of Terengganu who contributed to the teaching of ‘ilm al-hadīth in the society. It also discusses the non formal studies of ‘ilm al-hadīth conducts by ulamas in “pondoks” as well as the formal studies conducts by scholars in formal learning institutions. However, the research comes to the conclusion that none of the ulamas in the state really specialised in ‘ilm al-hadīth and the study in this area is only focused to ‘ilm mukhtalif ḥadīth and ‘ilm aḥadīth aḥkām.

PENDAHULUAN

KELAHIRAN PARA ULAMA

Negeri Terengganu dengan gigihnya telah mempertahankan tradisi keilmuan dan penghayatan Islam. Lahirnya ramai ilmuan tersohor di bidang agama Islam dan persuratan seperti Syeikh Abdul Malik bin Abdullah atau Tok Pulau Manis (w. 1736), Wan Abdul Kadir bin Wan Abdul Rahim atau Syeikh Abdul Kadir Bukit Bayas (w. 1864), Syed Mohamad bin Zainal Abidin al-Idrus atau Tok Ku Tuan Besar (w. 1878), Haji Wan Abdullah bin Wan Mohamad Amin atau Tok Syeikh Duyung (w. 1889), Tuan Guru Haji Hassan al-Fatani (w. 1910), Syed Abdul Rahman bin Syed Mohammad al-Idrus atau Tok Ku Paluh (w. 1917), Tuan Guru Haji Hussain (w. 1917), Tuan Guru Haji Umar Kampung Raja (w. 1941), Tuan Guru Haji Mat Syafi‘i Losong (w. 1945), Faqih Abdullah atau Tok Faqir Kuala Berang (w. 1966), Tuan Guru Haji Abdul Latif, Alor Keladi (w. 1970), Tuan Guru Haji

* Rohaizan Baru, PhD merupakan pensyarah di Sekolah Pengajian Islam, Universiti Darul Iman Malaysia (UDM) Kampus KUSZA.

Muhammad bin Haji Hussain (w. 1971), Haji Zainal Abidin Dungun (w. 1977), Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif Jertih (w. 1989) dan Tok Guru Haji Abbas (w. 1997), menjadikan Terengganu terus berada di tahap kecemerlangan ilmu yang sangat tinggi.¹

Suatu yang jelas ialah pendidikan Islam secara sistematik telah diasaskan oleh Tok Pulau Manis sejak abad ke 17M. dan dikembangkan oleh ulama-ulama terkemudian sehingga Terengganu terkenal dengan gelaran Darul Iman. Kesuburan negeri Terengganu dalam melahirkan tokoh-tokoh ilmuan berterusan hingga ke abad 20M., di mana abad ke 19M. merupakan abad kegemilangannya kerana pada masa itu lahirnya pusat-pusat pengajian dan pemikiran Islam yang memainkan peranan penting dalam masyarakat dan pentadbiran negeri.

PENGHAYATAN KEAGAMAAN DI KALANGAN MASYARAKAT, PERKEMBANGAN DAN SEBARAN ILMU AGAMA

Berasaskan kepada pemerintah yang minat dan cenderung kepada ilmu dan agama, di samping faktor kemajuan negeri yang disifatkan sebagai sebuah negeri Melayu yang termaju pada masa itu dan bebas dari cengkaman kuasa luar, maka perkembangan ilmu di Terengganu sangat menonjol dan ketara sekali. Kemasukan para ulama dari luar Terengganu bergandingan dengan ulama dari dalam negeri tambah menyemarakkan lagi kesuburan ilmu dan percambahan fikiran.

Dua orang sultan yang terkenal pada abad ke 19 iaitu Sultan Omar (1839-1876) dan Sultan Zainal Abidin III (1881-1919), sangat memberi perhatian terhadap perkembangan ilmu keislaman di Negeri Terengganu pada masa tersebut. Sultan Zainal Abidin III ini bukan sahaja menggalakkan rakyat jelata menuntut ilmu, malah baginda sendiri terlibat sama dalam pengajian ini di mana baginda terkenal sebagai seorang yang alim, gemar membaca dan mahir dalam bahasa Arab. Baginda juga dikatakan Sultan Melayu pertama pergi mengerjakan haji ke Mekah dan melawat negara Mesir.²

Institusi pendidikan ini pada awalnya bermula secara tidak formal di surau dan masjid, dan kemudiannya ia bergerak ke istana serta

¹ Syafie Abu Bakar (1989). "Perkembangan Keilmuan dan Kesedaran Keislaman di Terengganu", *Pesaka V*, Terengganu: Lembaga Muzium Negeri Terengganu, h. 14.

² Syafie Abu Bakar (1989). *op.cit.*, h. 14.

seterusnya berkembang secara formal di pondok-pondok yang diasaskan oleh Syeikh Abdul Malik atau Tok Pulau Manis (1665-1736). Institusi ini telah terus bergerak selama beberapa kurun.³

TERENGGANU DAN PUSAT PENGAJIAN ILMU

Puncak perkembangan ilmu di Terengganu ialah pada separuh kedua abad ke 19M. Pada masa itu negeri tersebut sudahpun dipenuhi dengan pusat-pusat pengajian tradisi, ditambah pula dengan kehadiran ulama-ulama dari luar negeri khususnya dari Patani yang mlarikan diri dari pemerintahan Siam akibat kejatuhan Patani pada tahun 1832. Mereka adalah seperti Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani bersama-sama keluarganya, keluarga Haji Wan Abdullah bin Muhammad Amin yang dikenali sebagai Tok Syeikh Duyung, keluarga Syeikh Abdul Kadir, yang dikenali dengan Tok Syeikh Bukit Bayas, begitu juga dengan keluarga Syed Muhammad bin Zainal Abidin al-Idrusi yang kesemuanya menyebarkan pengajaran di negeri ini melalui sistem pondok.⁴

Pengajian pondok tumbuh dengan rancaknya pada awal abad ke 20M, walaupun negeri Terengganu pada masa itu sudah terletak di bawah naungan penjajah Inggeris (mulai tahun 1919).⁵ Di antara pondok-pondok yang masyhur tercatat dalam sejarah pendidikan agama di Negeri Terengganu disenaraikan seperti berikut:⁶

- i) Pondok Tok Kali (Kadi), Sungai Rengas yang wujud sejak pertengahan abad 19M.
- ii) Pondok Haji Abdul Hamid, Kampung Tebauk, Nerus, Kuala Terengganu yang diasaskan pada akhir abad ke 19M.
- iii) Pondok Haji Husain, Kampung Lampu, Besut (1873-1913).

³ Syafei Abu Bakar (1991). "Tok Pulau Manis dan Pengasasan Pendidikan Islam", dalam Muhammad Abu Bakar, *Ulama Terengganu Suatu Sorotan*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd., h. 53.

⁴ Syafei Abu Bakar (1983). "Identiti Keagamaan dan Tradisi Pengajian di Terengganu", dalam Pesaka, Terengganu: Lembaga Muzium Negeri Terengganu, h. 12.

⁵ *Ibid.*, h. 13

⁶ *Ibid.*, h. 13-14.

- iv) Pondok Haji Hasan (Tuan Hasan), Kampung Gong Sura, Besut (1873).
- v) Pondok Haji Said, Kampung Lama Besut (1873-1895).
- vi) Pondok Haji Daud, Kampung Lampu, Besut (1921).
- vii) Pondok Haji Mat Syafei, Losong, Kuala Terengganu (1892).
- viii) Pondok Haji Abdul Latif, Jertih, Besut (1958).
- ix) Pondok Haji Muhammad bin Endut, Bukit Bayas, Kuala Terengganu (1883).
- x) Pondok Tok Fakih Abdullah, Kuala Berang (1963).
- xi) Pondok Haji Mat bin Husin, Kampung Lampu, Besut (1906-1919), kemudian berpindah ke Kuala Besut hingga (1943).
- xii) Pondok Haji Umar, Kampung Raja, Besut (1908-1941).
- xiii) Pondok Haji Zainal Abidin, Sura Gate Dungun (1958-1970).
- xiv) Pondok Haji Abbas, Tok Jiring, Kuala Terengganu (1954).
- xv) Pondok Haji Syafei, Durian Guling (1958).

Pada hari ini masih ada sebuah pondok yang beroperasi di daerah Kuala Terengganu iaitu pondok Dar al-Salam yang diasaskan oleh seorang guru yang berasal dari Patani iaitu Tuan Guru Haji Abdul Rahman bin Ahmad.

PENGAJIAN TIDAK FORMAL

Pembelajaran ilmu-ilmu agama secara tidak formal adalah merujuk kepada pendidikan yang diperolehi oleh orang dewasa mahupun remaja yang terluput daripada alam persekolahan dan pengajian formal. Pada kebiasaannya, orang yang mengikuti pengajian ini dibimbing dengan ilmu-ilmu dan praktik-praktik Islam merangkumi disiplin dan praktikal fardu ain, fardu kifayah dan *khuṣūṣiyāt*.⁷

Pengajian jenis ini merupakan proses membekalkan maklumat dan mewujudkan penghayatan amali Islam tertua di kalangan masyarakat Islam di negeri Terengganu. Ia biasanya berlangsung pada waktu malam kerana waktunya siangnya digunakan oleh mereka untuk bekerja

⁷ Ismail Ali (1993). "Pendidikan Islam di Kalangan Orang Dewasa: Kajian Kes di Negeri Terengganu Darul Iman", dalam Ismail Abdul Rahman *et al.*, *Isu-isu Pendidikan di Malaysia: Cabaran dan Harapan*, Kuala Terengganu: Kolej Agama Sultan Zainal Abidin, h. 39.

mencari rezeki. Surau-surau dan masjid yang merupakan pusat utama pendidikan Islam tidak formal ini menjadi tumpuan untuk menimba ilmu.⁸ Sistem pendidikan tidak formal ini berjalan terus dan semakin tersusun setelah tertubuhnya sebuah intitusi yang menjaga soal-soal pendidikan agama iaitu Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu pada tahun 1912M. Sehingga ke hari ini pun ia berjalan terus, bahkan jabatan ini telah dipertanggungjawabkan untuk menyebar pengajaran Islam di kalangan masyarakat Islam melalui tradisi pendidikan Islam di surau-surau dan masjid-masjid di seluruh negeri yang diuruskan melalui satu unit khas iaitu Unit Qaryah di Bahagian Dakwah. Tenaga-tenaga yang diamanahkan untuk menjayakan program ini terdiri daripada guru-guru pelawat agama, mubaligh dan guru-guru takmir. Rata-rata penekanan diberikan dalam aspek-aspek akidah, ibadah, tasawuf dan akhlak. Aspek-aspek lain seperti sejarah, *munākahāt* dan *mu'āmalat* juga turut diberi perhatian.⁹

Mengikut Laporan Aktiviti Rancangan Takmir Masjid dan Surau Negeri Terengganu Januari Hingga Mei 2004, jumlah masjid yang tertakluk di bawah penyeliaan JHEAT ialah sebanyak 464 buah dan jumlah surau pula sebanyak 1395 buah, tidak termasuk masjid dan surau yang tidak berdaftar dengan JHEAT yang dibangun dan diimarahkan sendiri oleh orang perseorangan atau masyarakat setempat. Manakala jumlah tenaga pengajar yang bertauliah dan berdaftar di bawah rancangan Takmir Masjid dan Surau adalah seramai 249 sahaja.

Daripada sejumlah 1859 masjid dan surau yang berdaftar itu hanya 598 buah sahaja yang diimarahkan di bawah perlaksanaan Rancangan Takmir Masjid dan Surau. Kalau ditumpukan kepada daerah tumpuan kajian ini iaitu Daerah Kuala Terengganu, didapati jumlah masjid hanyalah 121 buah dan jumlah surau 277 buah dengan jumlah tenaga pengajar seramai 110 orang lelaki dan 5 orang wanita. Dari 121 buah masjid, hanya 100 buah sahaja diimarahkan dengan kelas-kelas pengajian, manakala dari 277 buah surau hanya 148 sahaja yang diimarahkan dengan kelas-kelas pengajian. Berikut jadual maklumat surau/masjid dan tenaga pengajar di bawah anjuran rancangan takmir masjid dan surau di Negeri Terengganu Darul Iman.¹⁰

⁸ *Ibid.*, h. 80.

⁹ *Ibid.*, h. 82.

¹⁰ Laporan Aktiviti Rancangan Takmir Masjid Surau Negeri Terengganu Januari Hingga Mei 2004. Kuala Terengganu: JHEAT. h. 2.

Jadual 1 Jumlah Masjid dan Surau

DAERAH	MASJID			SURAU		
	Jumlah	Diimarah	Belum Diimarah	Jumlah	Diimarah	Belum Diimarah
K. Trg.	121	100	21	277	148	129
H.Trg.	76	56	20	136	30	106
Marang	51	34	17	281	13	268
Dungun	45	22	23	193	32	161
Kemaman	45	16	29	160	15	145
Setiu	49	15	34	108	7	101
Besut	77	70	7	240	40	200
Jumlah	464	313	151	1395	285	1110

Sumber: Laporan Aktiviti Rancangan Takmir Masjid Surau Negeri Terengganu Januari Hingga Mei 2004. Kuala Terengganu: JHEAT.

Jadual 2 Maklumat Tenaga Pengajar Mengikut Daerah¹¹

DAERAH	LELAKI	PEREMPUAN	JUMLAH
K. Terengganu	110	5	115
H. Terengganu	23	2	25
Marang	17	3	25
Dungun	10	1	11
Kemaman	39	4	43
Setiu	10	2	12
Besut	19	4	23
Jumlah	228	21	249

¹¹ Ibid.

RANCANGAN TAKMIR MASJID DAN SURAU DAN PENGAJARAN ILMU HADIS

Pengkaji membuat semakan pada senarai maklumat tenaga pengajar takmir terhadap tumpuan subjek atau mata pelajaran yang diajar dalam kuliah-kuliah mereka dan didapati pengajaran tertumpu kepada 5 mata pelajaran iaitu tafsir, tasawuf, Hadis, tauhid dan fiqh. Pelajaran Hadis agak mendapat tempat yang seimbang bersama-sama mata pelajaran lain dalam pengajaran tersebut. Kitab-kitab rujukan pula yang melibatkan pengajian Hadis tertumpu kepada beberapa buah kitab sahaja yang digunakan iaitu: *Mastika Hadis*, *Matan Arba'īn* oleh al-Imām al-Nawāwī, *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn*, *Bulūgh al-Marām* dan *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Tetapi yang paling banyak digunakan ialah kitab *Hadis Empat Puluh* terjemahan (*Matn al-Arba'īn*) dan *Mastika Hadis*.¹²

Di samping guru takmir masjid, guru pelawat agama dan mubaligh juga memainkan peranan penting dalam pendidikan Islam tidak formal di kalangan masyarakat. Mereka ditugaskan untuk melawat dalam kawasan yang ditentukan, memberi nasihat dan panduan kepada penduduk kampung dalam perkara makruf, mengajar fardu ain kepada muallaf dan mengajar kepada pegawai-pegawai masjid menurut sukanan pelajaran yang ditetapkan oleh jabatan agama. Mereka juga bertanggungjawab menyelia pengajaran agama oleh guru-guru agama di kampung di samping mengawal serta membasmi ajaran-ajaran karut dan sesat. Mengikut taburan guru-guru pelawat dan mubaligh di daerah Kuala Terengganu (tumpuan kajian), terdapat seramai 11 orang guru pelawat dan 29 orang mubaligh.¹³

Selain daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu, Yayasan Islam Terengganu juga turut memainkan peranan penting dalam penyebaran Islam dengan mengadakan kelas-kelas pengajian agama dewasa, pengajian al-Qur'an dan bimbingan belia. Yayasan ini yang diasaskan hasil daripada resolusi Seminar Alim Ulama Negeri Terengganu Ogos 1973, sebuah intitusi menjalankan tugas mengenai dakwah, penyelidikan, bekerja sama rapat dengan Jabatan Hal Ehwal Agama (JHEAT) dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti dakwah. Tenaga pengajarnya terdiri daripada guru-guru agama, guru-guru agama

¹² Borang Maklumat Guru Takmir Negeri Terengganu, JHEAT 2004.

¹³ Taburan guru pelawat dan mubaligh Negeri Terengganu, 30 November 2004.

bersara dan imam-imam masjid.¹⁴ Telah termaktub dalam dokumen Yayasan Islam Terengganu, Sejarah Penubuhan Dan Aktiviti,¹⁵ antara tujuan YIT ditubuhkan adalah untuk menjalankan kewajipannya menurut seksyen kecil (1), maka Yayasan Islam ini berkuasa untuk:

- a) Mengadakan badan-badan sekumpulan pengembang agama Islam.
- b) Mengadakan kewangan bagi membiayai perbelanjaan pengurusan.
- c) Mengadakan pusat penyebaran dan pengajian agama Islam di seluruh negeri.
- d) Memajukan mana-mana wakaf am supaya mendatangkan hasil.
- e) Memberi pertolongan kepada pertubuhan-pertubuhan Islam atau pertubuhan yang mengembangkan ajaran Islam yang bertujuan untuk maksud khairat, kebajikan anak-anak yatim muallaf dan apa jua tujuan bagi kepentingan umat Islam.

PERKEMBANGAN ILMU HADIS: ILMU HADIS SEBAGAI TAKHASSUS

Daripada penelitian dan bacaan yang dilakukan terhadap tulisan dan buku-buku tentang ulama-ulama terbilang di Terengganu masa silam, pengkaji tidak menjumpai seorang tokopun yang betul-betul disebut sebagai orang yang *takhassus* dalam bidang Hadis atau bergelar *al-muhibbin*. Apa yang ditemui hanya disebut pada kebanyakan tokoh, mereka mendalamai ilmu fiqh, tafsir, tasawuf, Hadis dan akidah atau tauhid dan sebagainya. Maknanya ilmu Hadis termasuk dalam bidang yang mereka pelajari atau dalami. Namun, untuk mencari tokoh yang betul-betul pákar dalam bidang Hadis atau yang ada menghasilkan karya-karya tertentu dalam bidang Hadis memang tidak dijumpai, tetapi tokoh dalam ilmu hadis ini kebanyakannya disandarkan kepada ulama-ulama tertentu yang berkepakaran dalam bidang tasawuf misalnya, seperti Tok Pulau Manis yang telah meninggalkan karya yang masyhur dalam lapangan tersebut.

¹⁴ Ismail Ali (1993). "Pendidikan Islam di Kalangan Orang Dewasa: Kajian Kes di Negeri Terengganu Darul Iman", dalam Ismail Abdul Rahman *et. al.*, *op.cit.*, h. 30.

¹⁵ Dokumen Yayasan Islam Terengganu (t.t.). *Sejarah Penubuhan dan Aktiviti*, Kuala Terengganu.

Syafei Abu Bakar dalam kajiannya mengenai Tok Pulau Manis umpamanya menyatakan:

“Semasa berada di Mekah dan juga di Madinah, Abdul Malik telah memberi penumpuan kepada keilmuan tiga serangkai iaitu ilmu-ilmu feqh, usuludin dan tasawuf, di samping ilmu tafsir, Hadis dan ilmu-ilmu bantu seperti nahw ḥarf dan sebagainya.”

Katanya lagi:

“Sebagai seorang pelajar yang berminat kuat kepada pengajian tasawuf, Abdul Malik tidak ketinggalan melibatkan diri dalam tarekat dan tarekat yang dipilihnya adalah Tarekat Shadhiliyyah yang berkembang di Mesir yang diasaskan oleh Abū al-Hasan al-Shādhilī (w. 656/1258).”¹⁶

Jelas bahawa kepakaran atau bidang pengkhususan Abdul Malik adalah dalam bidang tasawuf dan beliau ada meninggalkan sebuah karya yang terkenal dalam bidang tersebut iaitu kitab *Hikam Melayunya*.

Begitu juga halnya dengan Syeikh Abdul Kadir Bukit Bayas seorang yang dianggap pakar dalam bidang tasawuf dan pengamal Tarekat Syatariyyah. Beliau juga disebut sebagai “mempunyai kemahiran dalam pelbagai bidang ilmu seperti usuludin, tasawuf, tafsir dan Hadis.”¹⁷

Yusuf Embong ketika berbicara mengenai Tok Ku Tuan Besar (1795-1879M) ada menyebutkan bahawa ulama ini mempunyai kemahiran dalam bidang nahu, Hadis, tafsir, tauhid dan tasawuf.¹⁸ Demikian juga, ketika beliau menyebut mengenai Tok Syeikh Duyung:

“Beliau bukan sahaja arif dalam aspek perundangan Islam tetapi juga disiplin-disiplin ilmu lain yang mencakupi tasawuf, usuludin, tafsir, Hadis dan pelbagai cabang ilmu lagi.”¹⁹

¹⁶ Syafei Abu Bakar (1991). *op.cit.*, h. 55.

¹⁷ Omar bin Musa (1991). “Syeikh Abdul Kadir Bukit Bayas”, dalam Muhamad Abu Bakar, *op.cit.*, h. 148.

¹⁸ Yusuf Embong (1992). “Peranan dan sumbangan Ulama Terengganu”, dalam *Pesaka vii*, Lembaga Muzium Negeri Terengganu, h. 14.

¹⁹ *Ibid.*, h. 14. Mohamad Abu Bakar (1991). *op.cit.*, h. 159.

Tok Ku Paluh juga dikategorikan sebagai pakar dalam bidang ilmu tasawuf. Beliau yang mendapat pendidikan awal daripada ayahandanya sendiri iaitu Tok Ku Tuan Besar, juga berguru dengan Tok Syeikh Duyong yang menjadi mufti ketika itu. Apabila dewasa, Tok Ku Paluh meneruskan pengajiannya ke Mekah dengan menuntut kepada dua orang ulama yang masyhur iaitu Syed Ahmad Zaini Dahlan dan Syed Abdullah ‘Ali al-Zawawi. Melalui guru-guru inilah, Tok Ku Paluh mendalami pengajiannya dalam ilmu-ilmu tafsir, Hadis, tauhid dan tasawuf dan belajar bahasa Arab. Apabila beliau pulang ke tanah air, beliau menyampaikan pengajarannya yang meliputi semua bidang ilmu-ilmu Islam, tetapi beliau lebih menekan ilmu tasawuf yang dianggap sebagai ilmu *takhaṣṣusnya* atau kepakarannya. Dalam bidang ini beliau menghasilkan karyanya yang termasyhur dinamakan *Ma‘ārij al-Lahfān*. Beliau juga adalah pengamat Tarekat Naqsyabandiyah.²⁰

Demikianlah juga ulama-ulama lain, seperti Haji Mat Syafei Losong yang disebut sebagai “Seorang ulama yang terdedah kepada pelbagai peringkat pengajian, beliau berkebolehan dalam bahasa Arab, dan ilmu-ilmu seperti nahu, saraf, tafsir dan Hadis.”²¹ Manakala, Tuan Guru Haji Wan ‘Abd al-Latif Jertih (1905-1989) pula adalah seorang yang dikenali berkemahiran dalam bidang ilmu tafsir dan fiqh semasa beliau berguru dengan guru-guru terkenal di Mekah.²²

Selain itu, seorang ulama yang agak menonjol minatnya dan memberikan pemberatan dalam bidang ilmu Hadis ialah seorang tokoh guru pondok semasa, Tok Guru Haji Abbas Tok Jiring (1909-1997). Beliau yang menuntut ilmu di Mekah selama lapan tahun kemudian mengubah haluan ke India. Dicatatkan bahawa beliau beberapa kali berulang alik ke India. Semasa di India, beliau memberikan penumpuan khusus mengaji dalam bidang Hadis dengan mempelajari kitab-kitab utama Hadis seperti kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Ṣaḥīḥ Muslim*, *Sunan Abī Dāwūd* dan *Sunan al-Tirmidhī*.²³

Semenjak Tok Guru Haji Abbas membuka pondoknya, beliau memulakan pengajaran Hadis dengan menggunakan kitab *Ṣaḥīḥ al-*

²⁰ *Ibid.*, h. 180-181.

²¹ Che Alias Haji Mamat (1991). “Haji Mat Syafei dan Pengajian Pondok di Losong”, dalam Muhamad Abu Bakar, *op.cit.*, h. 75.

²² *Ibid.*, h. 112.

²³ *Ibid.*, h. 122.

Bukhāri dan kitab *Bulūgh al-Marām*.²⁴ Menurut Ustaz Haji Lambak bin Ismail, seorang yang pernah menuntut ilmu Hadis dengan Tok Guru Haji Abbas dan juga menantunya, tidak ada seorang ulama pun yang diketahuinya mengajar ilmu Hadis di negeri Terengganu ini secara khusus sebelum daripada Tok Guru Haji Abbas. Beliau sendiri sempat belajar kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Ṣaḥīḥ Muslim*, *Sunan al-Nasā'i* dan *Muwaṭṭa' Mālik* daripada Tok Guru Haji Abbas. Kini, setelah pemergian Allahyarham, beliau menggantikan tempatnya mengajar ilmu Hadis di surau Dato' Haji Abbas walaupun tidak lagi dalam bentuk sistem pengajian pondok. Kelas-kelas pengajian yang dikendalikan beliau berjalan pada setiap hari - kecuali Jumaat dan Sabtu-, bermula pukul 8.00 pagi hingga pukul 10.00 pagi dengan membaca kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Ṣaḥīḥ Muslim*, *Sunan Abī Dāwūd*, *Sunan al-Tirmidhī*, *Sunan al-Nasā'i*, *Sunan Ibn Mājah* dan *Muwaṭṭa' Mālik*, manakala di sebelah malamnya dibacakan kitab-kitab fiqh dan usuluddin dan selepas sembahyang subuh setiap pagi dibaca kitab-kitab jawi.²⁵

ILMU HADIS DALAM MASYARAKAT KINI

Sepanjang wawancara dan pertemuan yang pengkaji adakan dengan ulama-ulama yang ada sekarang, didapati rata-rata mereka berpandangan bahawa pengajaran dalam bidang Hadis secara khusus memang tidak begitu berkembang di Negeri Terengganu.

Tuan Guru Haji Abdul Rahman bin Ahmad, seorang ulama terkenal di negeri ini dan pengasas juga mudir Pondok Dar al-Salam Kuala Ibai menyatakan bahawa para ulama sejak dahulu jarang memberikan tumpuan kepada pengajaran ilmu Hadis secara pengkhususan. Pengajaran hanya berlaku secara umum sebagaimana mata pelajaran-mata pelajaran lain. Oleh kerana itu menurut beliau, tidak kedapatan seorang ulama yang boleh digelar sebagai *al-muḥaddith* di Negeri Terengganu.²⁶

²⁴ Temubual dengan Ustaz Haji Lambak bin Ibrahim, bekas pelajar Tok Guru Hj Abbas dan menantunya, di surau Dato' Haji Abbas, Tok Jiring, pada 2 Januari 2005, jam 9.30 malam.

²⁵ Temubual dengan Ustaz Haji Lambak bin Ibrahim, pada 2 Januari 2005, jam 9.30 malam.

²⁶ Temubual dengan Tuan Guru Haji Abdul Rahman Ahmad, di Pondok Dar al-Salam, Kuala Ibai, Kuala Terengganu, pada 7 April 2004, jam 5.30 petang.

Demikianlah juga pendapat Ustaz Dato' Haji Ambak bin Ismail,²⁷ bekas ahli jawatan kuasa Majlis Fatwa Negeri dan Ustaz Haji Lambak bin Ibrahim,²⁸ bekas pelajar Tok Guru Haji Abbas, ketika diajukan soalan yang sama. Malah menurut Ustaz Haji Lambak yang berkecimpung lama dalam arena ilmu Hadis, tidak ada seorang ulama pun di Negeri Terengganu yang betul-betul mendalami ilmu Hadis dan mengajar ilmu ini kepada masyarakat selepas pemergian Tok Guru Haji Abbas. Tok Guru haji Abbas merupakan orang pertama yang memulakan pengajaran dalam bidang Hadis secara khusus, setelah beliau memperolehi sanad yang bersambung terus kepada Rasulullah (s.a.w.) daripada ulama-ulama terkemuka di India. Masyarakat menurut beliau, memang tidak banyak maklumat tentang ilmu Hadis, apatah lagi untuk memahami masalah-masalah yang lebih terperinci dalam *muṣṭalaḥ al-Hadīth*.

Kepada soalan adakah tajuk-tajuk yang lebih spesifik dalam ilmu *muṣṭalaḥ al-Hadīth* seperti *mukhtalif al-Hadīth* diajar atau didedahkan kepada masyarakat? Dato' Haji Ambak berpendapat bahawa perbincangan biasanya hanyalah di sekitar Hadis-hadis *aḥkām* sahaja, yakni Hadis-hadis yang bercanggah dalam masalah-masalah fiqh. Bagi beliau secara individu, memang beliau selalu menyentuhnya dalam pengajaran atau syarahannya. Menurut Ṣahib al-Samāḥah Dato' Dr Haji Mohamad Zubir bin Haji Awang, Mufti Negeri Terengganu pula, sememangnya tajuk seperti ini tidak diberi perhatian langsung oleh ilmuan di negeri ini memandangkan ia suatu tajuk yang sangat halus dan tidak akan dapat diselami oleh masyarakat awam. Tajuk-tajuk seperti ini menurut beliau hanya sesuai didedahkan kepada masyarakat akademik seperti di peringkat pengajian tinggi.³⁰

Menurut Ustaz Syed Nazmi, Pegawai Hal Ehwal Islam di Jabatan Mufti Negeri Terengganu, seorang sarjana dalam pengajian Hadis dari sebuah universiti di Jordan, tajuk Hadis bercanggah memang jarang

²⁷ Temubual dengan Dato Haji Ambak Ismail, di rumah beliau pada 12 Julai 2004.

²⁸ Temubual dengan Ustaz Haji Lambak Ibrahim, di surau Dato' Haji Abbas pada 2 Januari 2005, jam 9.30 malam.

²⁹ Temubual dengan Dato Haji Ambak Ismail, di rumah beliau, 12 Julai 2004, jam 5.30 petang.

³⁰ Temubual dengan Ṣahib al-Samāḥah Dato Mufti Kerajaan Negeri Terengganu, di pejabat beliau pada 5 Januari 2005, jam 12.30 tengahari.

dibincang dan diketengahkan oleh alim ulama di negeri ini. Bahkan ilmu Hadis secara umum tidak mendapat pendedahan yang sewajarnya dalam kuliah-kuliah pengajian. Kekurangan mereka yang betul-betul mahir dalam lapangan ini amat nyata sekali. Bagi beliau secara peribadi, memang sentiasa berusaha untuk mendedahkan ilmu ini kepada masyarakat dalam pengajarannya di masjid atau kuliah-kuliah agama yang beliau terlibat.³¹ Pendapat dan pandangan yang hampir sama dinyatakan oleh Ustaz Omar Musa,³² Ketuan Penolong Pesuruhjaya Bahagian Dakwah, Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu, Ustaz Mahmud bin Sulaiman,³³ Pengarah Kolej Universiti Darul Quran Islamiyyah Kubang Lembik dan Ustaz Haji Mokhtar bin Salleh,³⁴ Imam Besar Negeri Terengganu Darul Iman.

SKOP PENGAJARAN DAN PENGAJIAN HADIS DAN KITAB-KITAB YANG DIGUNAKAN

Pengajaran Pada Peringkat Awam Di Masjid Dan Surau

Kebiasaan Hadis-hadis yang diajar atau didedahkan kepada masyarakat pada peringkat ini adalah Hadis-hadis yang ada kaitan dengan hukum fiqh atau disebut sebagai *Aḥādīth al-ahkām*. Dengan kata lain para pengajar melihat dan membahaskan Hadis-Hadis melalui kacamata *fuqahā'* (ulama fiqh), maka sudah tentulah kupasan dan pemfokusannya sangat berbeza kalau dibandingkan dengan seorang yang membahaskan Hadis dari kacamata *al-muḥaddith*. Fokus utama ketika perbahasan ialah untuk mencari kekuatan hujah satu-satu hukum berpandukan kepada Hadis, yakni membincangkan Hadis dari sudut pengambilan hukum. Ini berbeza dengan fokus seorang ahli Hadis, di mana fokus utamanya ialah Hadis itu sendiri, tak kiralah apa hukum fiqh yang dibawanya. Hadis itu terlebih dahulu dibahaskan dari sudut sanad, matan, lafaz, perawi, kitab dan sebagainya lagi yang ada

³¹ Temubual dengan Ustaz Syed Nazmi, di pejabat beliau pada 3 Oktober 2004, jam 11 pagi.

³² Temubual dengan Ustaz Omar Musa, di pejabat beliau pada 25 November 2004, jam 10 pagi.

³³ Temubual dengan Ustaz Mahmud bin Sulaiman, di pejabat beliau pada 29 November 2004, jam 11 pagi.

³⁴ Temubual dengan Ustaz Mokhtar bin Salleh, di pejabat beliau pada 2 Mac 2004, jam 2.30 petang.

kaitan yang membawa kepada natijah apakah Hadis itu boleh diterima atau sebaliknya.

Terdahulu telah disebutkan bahawa kitab-kitab yang biasa digunakan dalam pengajaran Hadis pada peringkat ini tertumpu kepada beberapa buah kitab sahaja iaitu: *Mastika Hadis*, terbitan Jabatan Perdana Menteri, *Matn al-Arba`in* oleh al-Imām al-Nawāwī, *Riyād al-Sāliḥīn*, oleh al-Imām al-Nawāwī juga, *Bulūgh al-Marām* oleh Ibn Hajar al-‘Asqalānī dan *Šaḥīḥ al-Bukhārī*. Tetapi yang paling banyak digunakan ialah kitab *Hadis Empat Puluh* terjemahan kitab (*Matn al-Arba`in al-Nawāwiyyah*) dan *Mastika Hadis*.³⁵

Cuma dalam pengajaran Ustaz Haji Lambak di surau Dato' Haji Abbas, Tok Jiring, seorang yang mewarisi pengajaran Tok Guru Haji Abbas, didapati menggunakan kitab-kitab yang betul-betul induk dalam ilmu Hadis, iaitu *Šaḥīḥ al-Bukhārī*, *Šaḥīḥ Muslim*, *Sunan Abī Dāwūd*, *Sunan al-Tirmidhī*, *Sunan al-Nasā'i*, *Sunan Ibn Mājah* dan *Muwaṭṭa' Mālik*. Kitab-kitab ini memang menjadi kitab-kitab asas dalam pengajaran beliau semenjak beliau memulakan pengajaran Hadis dari tahun 1989 lagi. Oleh itu menurut Haji Lambak, ada di antara kitab-kitab itu sudah mengalami pengulangan beberapa kali.

Pengajaran Hadis Pada Peringkat IPT

Untuk melihat apakah kitab-kitab yang digunakan dalam pengajian dan pengajaran Hadis di IPT, ada baiknya terlebih dahulu dilihat apakah kursus-kursus yang ditawarkan oleh IPT terbabit. Dalam kajian ini, pengkaji memilih Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (KUSZA) dan Kolej Universiti Darul Quran al-Islamiyyah (KUDQI), kerana kedua-dua IPT ini menawarkan program pengajian Islam secara penuh.

1. Pengajaran Hadis di Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (KUSZA):

Di bawah Sekolah Pengajian Islam, Kolej Agama Sultan Zainal Abidin, ada lapan (8) program pada peringkat diploma dan tiga (3) program di peringkat diploma lanjutan. Program-program tersebut ialah:

³⁵ Sebagaimana disenaraikan oleh pengajar-pengajar dalam Borang Maklumat Guru Takmir Negeri Terengganu, JHEAT 2004.

Perkembangan Ilmu Hadis Di Negeri Terengganu Darul Iman

- a) Diploma Pengajian Islam: Diploma Pengajian Islam (Syariah), Diploma Pengajian Islam (Usuluddin), Diploma Pengajian Islam (Bahasa dan Kesusasteraan Arab), Diploma Pengajian Islam (Dakwah), Diploma Pengajian Islam (al-Quran dan al-Sunnah), Diploma Pengajian Islam (Sejarah dan Tamadun Islam), Diploma Pengajian Islam (Pentadbiran Islam) dan Diploma Pengajian Islam Dengan IT.
- b) Diploma Lanjutan: Diploma Lanjutan Pengajian Islam (Syariah), Diploma Lanjutan Pengajian Islam (Usuludin) dan Diploma Lanjutan Pengajian Islam (Dakwah).

Kursus-kursus bidang Hadis ditawarkan kepada semua pelajar pada semua program-program tersebut yang dipecahkan kepada dua keperluan iaitu kursus-kursus keperluan sekolah dan kursus-kursus keperluan pengkhususan.

Kursus-kursus keperluan sekolah ialah *al-Hadīth* dan '*Ulūm al-Hadīth 1*. Kursus-kursus ini ditawarkan kepada semua pelajar Sekolah Pengajian Islam dan pelajar Diploma Pendidikan di Sekolah Pendidikan KUSZA.

Manakala kursus-kursus keperluan *takhaṣṣuṣ* (pengkhususan) pula ialah '*Ulūm al-Hadīth 2*, *Takhrij al-Hadīth* dan *al-Hadīth al-Maudū'i* bagi program al-Quran dan al-Sunnah dan kursus *Aḥādīth al-Aḥkām* bagi program al-Syariah.

Jadual 3 di bawah menjelaskan butiran tersebut.

Jadual 3: Penawaran kursus-kursus bidang Hadis bagi Program-Program Diploma Pengajian Islam

Program	Kursus Keperluan Sekolah	Kursus Keperluan Program
Syariah	<i>Al-Hadīth</i> <i>'Ulūm al-Hadīth 1</i>	<i>Aḥādīth al-Aḥkām</i>
Usuludin	<i>Al-Hadīth</i> <i>'Ulūm al-Hadīth 1</i>	-
Bahasa dan Kesusa-teraan Arab	<i>Al-Hadīth</i> <i>'Ulūm al-Hadīth 1</i>	-
Dakwah	<i>Al-Hadīth</i> <i>'Ulūm al-Hadīth 1</i>	-
Al-Quran Dan al-Sunnah	<i>Al-Hadīth</i> <i>'Ulūm al-Hadīth 1</i>	<i>'Ulūm al-Hadīth 2</i> <i>Takhrij al-Hadīth</i> <i>al-Hadīth al-Maudū'i</i>
Sejarah Dan Tamadun Islam	<i>Al-Hadīth</i> <i>'Ulūm al-Hadīth 1</i>	-
Pentadbiran Islam	<i>Al-Hadīth</i> <i>'Ulūm al-Hadīth 1</i>	-
Pengajian Islam Dengan IT	<i>Al-Hadīth</i> <i>'Ulūm al-Hadīth 1</i>	-
Diploma Pendidikan	<i>Al-Hadīth</i> <i>'Ulūm al-Hadīth 1</i>	-

Kepada pelajar-pelajar Diploma Lanjutan Pengajian Islam Syariah, Usuluddin dan Dakwah, kursus *al-Hadīth* (syarahan dan hafazan) ditawarkan sebagai kursus keperluan Sekolah dan kepada pelajar Diploma Pengajian Islam Lanjutan Syariah ditawarkan kursus *Aḥādīth al-Aḥkām* sebagai subjek *takhaṣṣuṣ*. Lihat jadual 2.5 di bawah.

Jadual 4: Penawaran kursus-kursus bidang Hadis bagi Program Diploma Lanjutan Pengajian Islam

Program	Kursus ditawarkan
Diploma Lanjutan Pengajian Islam Syariah	<i>al-Hadīth</i> (syarahan dan hafazan) <i>Aḥādīth al-Aḥkām</i>
Diploma Lanjutan Pengajian Islam Usuludin	<i>al-Hadīth</i> (syarahan dan hafazan)
Diploma Lanjutan Pengajian Islam Dakwah	<i>al-Hadīth</i> (syarahan dan hafazan)

Jadual-jadual di bawah menjelaskan perincian kandungan kursus-kursus bidang Hadis yang ditawarkan oleh Sekolah Pengajian Islam Kolej Agama Sultan Zainal Abidin KUSZA serta buku-buku yang digunakan dalam pengajaran kursus-kursus tersebut.

Jadual 5: Kandungan kursus dan kitab-kitab

Kursus-Kursus Keperluan Sekolah		
Kursus	Kandungan	Kitab / Rujukan
<i>al-Hadīth</i>	Hadis Empat Puluh oleh al-Imām al-Nawāwi	<p>Buku diguna: <i>Syarḥ al-Arba‘īn al-Nawāwiyyah</i></p> <p>Rujukan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Jāmi‘ al-‘Ulūm wa al-Hikam</i> oleh Ibn Rajab al-Hanbali • <i>Dalīl al-Fālihīn</i> oleh al-Šiddīqī • <i>Syarḥ al-Arba‘īn al-Nawāwiyyah</i> oleh Ibn Daqīq al-E‘īd • <i>Sunan al-Sittah</i>
‘Ulūm al-Hadīṣ 1	<ul style="list-style-type: none"> • Pengenalan ‘Ulūm al-Hadīth, perkembangan dan penulisan • Definisi <i>al-Hadīth</i>, <i>al-Khabar</i>, <i>al-Sunnah</i> dan <i>al-Athar</i> serta perbezaan di antaranya • Definisi <i>al-Matn</i>, <i>al-Sanad</i>, <i>al-Isnād</i>, <i>al-Hāfiẓ</i>, <i>al-Hujjah</i>, <i>al-Hākim</i>, <i>Sunan al-Sittah</i> • Pembahagian <i>al-Hadīth</i> • Bahagian Hadis-hadis <i>āhād</i> • <i>al-Hadīth al-Mauḍū‘</i> sebab dan tanda • <i>Hujjiyyah al-Sunnah</i> • <i>Munkir al-Sunnah</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Ulūm al-Hadīth</i> oleh Ibn al-Šalāḥ • <i>Ma‘rifah ‘Ulūm al-Hadīth</i> oleh al-Hākim • <i>Qawā'id al-Taḥdīth</i> oleh al-Qāsimi • <i>Al-Bā'ith al-Hathīth</i> oleh Ibn Kathīr • <i>‘Ulūm al-Hadīth</i> oleh Ṣubḥī al-Šāleḥ • <i>Fatḥ al-Mughīth</i> oleh al-Sakhāwī • <i>Uṣūl al-Hadīth</i> oleh ‘Ujjāj al-Khaṭīb • <i>Tadrīb al-Rāwī</i> oleh al-Suyūṭī

Jadual 6 Kursus Keperluan Program (al-Qur'an Dan al-Sunnah)

Kursus Keperluan Program (al-Quran Dan al-Sunnah)		
Kursus	Kandungan	Kitab / Rujukan
'Ulūm al-Hadīth 2	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Al-Mu'talaf dan al-Mukhtalaf</i> • <i>Al-Jarh wa al-Ta'dil</i> • <i>Al-Taḥammul wa al-Ādā'</i> • <i>Al-Wad'u wa al-Wadḍā'ūn</i> • <i>Mukhtalif al-Hadīth wa Musykiluh</i> • <i>Ruwāh al-Hadīth wa Ṭabaqātuhum</i> • <i>Syubūhāt Hawl al-Hadīth</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Tadrib al-Rāwī</i> oleh al-Suyūṭī • <i>Qawā'id al-Taḥdīth</i> oleh al-Qāsimī • <i>Taysir Muṣṭalah al-Hadīth</i> oleh al-Ṭāḥhān • <i>Al-İṣābah fi Tamyiz al-Šahābah</i> oleh Ibn Hajar
Takhrij al-Hadīth	<ul style="list-style-type: none"> • Pengenalan, objektif, kepentingan serta contoh, sepintas lalu tentang sejarah <i>takhrij</i> dan buku-buku mengenainya • Jalan-jalan mentakhrij Hadis 	<p>Buku diguna:</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Uṣūl al-Takhrij wa Dirāsaḥ al-Asāniyat</i> oleh Maḥmūd al-Ṭāḥhān <p>Rujukan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Turuq Takhrij Hadīth Rasūlillāh</i> oleh 'Abd al-Muhibb ibn 'Abd al-Hādi • <i>Al-Mu'jam al-Mufahras li Alfāz al-Hadīth al-Nabawī</i> • <i>Mawsū'ah Aṭrāf al-Hadīth al-Nabawī</i> oleh al-Sa'id Zaghlūl • <i>Tuhfah al-Asyrāf Bi Ma'rifaḥ al-Aṭrāf</i> oleh al-Mizzī
al-Hadīth al-Maudū'i	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Al-Tahārah</i> • <i>Al-Ṣalāh</i> • <i>Al-Jana'iz</i> • <i>Al-Zakāh</i> • <i>Al-Siyām</i> • <i>Al-Hajj</i> 	<p>Buku diguna:</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Iḥāf al-Kirām</i> oleh al-Mubārakfūri <p>Rujukan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Fatḥ al-Bārī bi Syarḥ Sahīḥ al-Bukhārī</i> oleh Ibn Hajar • <i>Nayl al-Awṭār</i> oleh al-Syawkānī • <i>Subul al-Salām</i> oleh al-Şanā'ānī

Jadual 7: Kursus Keperluan Program (Syariah)

Kursus Keperluan Program (Syariah)		
Kursus	Kandungan	Kitab / Rujukan
Aḥādīth al-Aḥkām	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Al-Tahārah</i> • <i>Al-Iṛth</i> • <i>Mīrāth al-Haml</i> • <i>Al-Masā'il al-Musytarakah, al-Muqāsamāt dan al-Munāsakhāt</i> • <i>Mīrāth al-Janīn</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Bujairimī 'ala al-Khaṭīb</i> • <i>Mughnī al-Muhtāj</i> oleh al-Syarbīnī • <i>Nihāyah al-Muhtāj</i> oleh al-Ramīlī • <i>Hāsyiyah 'alā Tuhfah al-Tullāb</i> oleh al-Anṣārī

Jadual 8: Kandungan kursus Diploma Pengajian Islam Lanjutan dan kitab-kitab

Kandungan kursus Diploma Lanjutan		
Kursus	Kandungan	Kitab / Rujukan
al-Hadīth	<ul style="list-style-type: none"> • Al-Islām, al-Īmān dan al-Ihsān • Ilmu dan Ulama • Akhlak Mulia • Menjauhi akhlak buruk • Adab-adab sosial • Peringantan dan pesanan Rasulullah • Al-Quran dan fadilatnya • Al-Sunnah dan hukum berpegang dengannya • Doa dan zikir • <i>Al-Jināyah</i> • <i>Al-Fitan wa Asyrāt al-Sā'ah</i> • Hari kebangkitan dan huru hara kiamat • Syurga dan Neraka 	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Silsilah Ahādīth al-Šahīħah</i> oleh al-Albāñi • <i>Fatḥ al-Bārī</i> oleh al-‘Asqalāñi
Aḥādīth al-Ahkām	<ul style="list-style-type: none"> • Jual beli yang diharuskan • Jual beli yang diharamkan • Syarikat • Perkahwinan • Talak • Rujuk • Jenayah • Hudud • Jihad • Kehakiman • Makanan 	<p>Buku diguna:</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Nayl al-Awṭār</i> oleh al-Syawkāñi <p>Rujukan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • ‘Umdah al-Qārī bi Syarḥ Šahīħ al-Bukhārī oleh al-‘Aini • <i>Fatḥ al-Bārī bi Syarḥ Šahīħ al-Bukhārī</i> oleh al-‘Asqalāñi • <i>Aujaz al-Masālik ilā Muwaṭṭa'</i> Mālik oleh al-Kandahlawī • <i>Šahīħ Muslim bi Syarḥ al-Nawāwi</i> oleh al-Nawāwi • <i>Subul al-Salām</i> oleh al-Šan‘āni

2. Pengajian Hadis di Kolej Universiti Darul Quran Islamiyyah (KUDQI):

Subjek-subjek dalam bidang Hadis ditawarkan di kedua-dua fakulti Usuluddin dan Syariah sebagaimana butiran berikut:

- a) Fakulti Usuluddin menawarkan subjek *al-Hadīth*, ‘Ulūm al-Hadīth, *al-Hadīth al-Taħlīlī*, *al-Hadīth al-Mawdū‘ī*, *Takhrij al-Hadīth* dan *Maṇāhij al-Muħaddithīn*.

- b) Fakulti Syariah menawarkan kursus ‘*Ulūm al-Hadīth* pada semester 2 tahun 1, *Aḥādīth al-Aḥkām* pada semester 2 tahun 2 dan semester 2 tahun 3. Pendetilannya seperti dalam jadual 2.10 di bawah.

Jadual 9: Subjek-subjek dalam bidang Hadis ditawarkan di Fakulti Usuluddin³⁶ (Tahun 1)

Tahun 1		
Semes- ter 1	Subjek bidang Hadis	Kandungan
	<p><i>al-Hadīth</i> Buku diguna:</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Ṣaḥīḥ Muslim bi Syarḥ al-Nawāwī</i> 	<p>Hadis mengenai ibadat bermula dengan <i>Kitāb al-Tahārah</i> hingga <i>Kitab al-Janāzah</i> daripada kitab <i>Ṣaḥīḥ Muslim</i></p>
Semes- ter 2	<p>‘<i>Ulūm al-Hadīth</i> Buku diguna:</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Tadrīb al-Rāwī</i> oleh al-Suyūṭī Antara Rujukan: • ‘<i>Ulūm al-Hadīth</i> oleh Ibn al-Šalāḥ • <i>Ma'rifah ‘Ulūm al-Hadīth</i> oleh al-Ḥākim • <i>Qawā'id al-Tahdīth</i> oleh al-Qāsimī • ‘<i>Ulūm al-Hadīth</i> oleh Ṣubḥī al-Šāliḥ • <i>al-Hadīth wa al-Muḥaddithūn</i> • <i>Taysīr Muṣṭalah al-Hadīth</i> oleh al-Ṭahhān • <i>Fatḥ al-Mughīth</i> oleh al-Sakhawī 	<ul style="list-style-type: none"> • Takrif dan sejarah perkembangan • Istilah <i>al-Sunnah</i>, <i>al-Hadīth</i>, <i>al-Khabar</i>, <i>al-Athar</i>, <i>al-Hadīth al-Qudsi</i>. • <i>Hadīth Ṣaḥīḥ</i>, takrif dan jenis-jenis • Kitab-kitab <i>Hadīth Ṣaḥīḥ</i> • <i>Al-Mustakhrajāt 'alā al-Ṣaḥīḥayn</i> • Hadis Hasan dan kitab-kitab padanya, makna istilah-istilah <i>maqbūl</i>, <i>jayyid</i>, <i>qawiy</i>, <i>ṣālih</i>, <i>ma'rūf</i>, <i>mahfūz</i>, <i>mujawwad</i> dan <i>thābit</i>.

³⁶ *Dalil Kulliyah Usuludin* (2003). Kulliyah Dar al-Quran al-Islamiyyah, Kuala Terengganu.

**Jadual 10: Subjek-subjek dalam bidang Hadis
ditawarkan di Fakulti Usuluddin (Tahun 2)**

Tahun 2		
	Kursus ditawarkan	Kandungan
Semes- ter 1	<p>Hadis</p> <p>Buku diguna: <i>Sahīh Muslim bi Syarḥ al-Nawāwi</i></p> <p>Buku-buku rujukan: Semua kitab-kitab Hadis.</p>	Sambungan kepada kandungan semester 1, Hadis mengenai ibadat daripada kitab al-Zakāh dan kitab al-Hajj daripada kitab <i>Sahīh Muslim</i>
Semes- ter 2	<p><i>'Ulūm al-Hadīth</i></p> <p>Buku diguna:</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Tadrīb al-Rāwī</i> oleh al-Suyūṭī <p>Antara Rujukan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>'Ulūm al-Hadīth</i> oleh Ibn al-Šalāh • <i>Ma'rifah 'Ulūm al-Hadīth</i> oleh al-Ḥākim • <i>Qawā'id al-Taḥdīth</i> oleh al-Qāsimī • <i>'Ulūm al-Hadīth</i> oleh Ṣubḥī al-Šāliḥ • <i>al-Hadīth wa al-Muhaddithūn</i> • <i>Taisir Muṣṭalaḥ al-Hadīth</i> oleh al-Taḥḥān • <i>Fath al-Mughīth</i> oleh al-Sakhāwī 	<p>Sambungan kandungan semester 1</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Hadīth Da'iif</i>, takrif dan jenis-jenis • Pembahagian Hadis kepada <i>Marfu'</i>, <i>Mawqūf</i>, <i>Maqtū'</i> dan hukumnya • Kata-kata sahabat

**Jadual 11: Subjek-subjek dalam bidang Hadis
ditawarkan di Fakulti Usuluddin
(Tahun 3 Pengkhususan al-Hadīth & ‘Ulūm al-Hadīth)**

Tahun 3			
Pengkhususan al-Hadīth & ‘Ulūm al-Hadīth	Sem 1	Subjek	Kandungan Kursus
		<i>Hadīth Tahlīlī</i> <i>Buku digunakan:</i> <i>Şahih Muslim bi Syarh al-Nawawi</i>	Kupasan dari pelbagai sudut; bahasa, akidah, akhlak dan sebagainya terhadap tajuk-tajuk berikut: <i>Kitāb al-Nikāh</i> , <i>Kitāb al-Radā‘</i> , <i>Kitāb al-Talāq</i> , <i>Kitāb al-Li‘ān</i> , <i>Kitāb al-‘Itq</i> , <i>Kitāb al-Buyū‘</i> , <i>Kitāb al-Farāid</i> , <i>Kitāb al-Hibāt</i> , <i>Kitāb al-Nadhr</i> .
	Sem 2	<i>Manāhij al-Muḥaddithīn</i> <i>Buku rujukan:</i> Semua buku-buku yang disenaraikan pada subjek ‘Ulūm al-Hadīth semester 1&2.	<ul style="list-style-type: none"> • Metod sahabat dalam meriwayat dan penulisan al-sunnah di zaman nabi • Institusi Hadis di abad pertama Hijrah • Sahabat yang banyak meriwayat • Kesan isteri-isteri nabi dalam pengembangan Hadis • Metodologi penulisan para sahabat pada abad ke 2 Hijrah
		<i>Hadīth Mawdū‘i Rujukan:</i> <i>Sunan Sittah</i> , Ibn Ḥibbān, al-Ṭabarānī, al-Baihaqi dll.	Kupasan Hadis secara topik ke topik <ul style="list-style-type: none"> • Takrif, pengenalan serta kepentingan • Kitab-kitab dan metodologi • Kajian beberapa isu yang dibawa oleh Hadis yang dibincangkan.
		<i>‘Ulūm al-Hadīth</i> <i>Buku rujukan:</i> Semua buku-buku yang disenaraikan pada subjek ‘Ulūm al-Hadīth semester 1&2.	Sebagai sambungan kepada subjek tahun 1&2 dengan ditambah maklumat tentang ilmu <i>Rijāl al-Hadīth</i> Kandungannya: <ul style="list-style-type: none"> • <i>Al-Mutawātir</i> dan <i>al-Āḥād</i> dan jenis-jenis • <i>Al-Muttaṣil</i>, <i>al-Musalsal</i>, <i>al-I‘tibār</i>, <i>al-Mutābi‘i</i>, <i>al-Syahid</i>, <i>al-Ḥādiṣ al-Mufrad</i>, <i>al-Mu‘an‘an</i>,

			<p>Ziyādah al-Thiqah dan al-Tahammul wa al-Ādā’.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penulisan Hadis di zaman nabi, sahabat dan selepasnya • <i>Hadīth Mauḍū‘</i> dan jalan mengenalinya, kitab <i>al-Mauḍū‘āt</i> oleh Ibn al-Jauzī, bahagian pereka Hadis dan hukum mereka Hadis dan meriwayatkannya • Perawi-perawi dari kalangan <i>ṣaḥābah, tābi‘īn, imām</i> empat dan imām enam.
		<p><i>Takhrij al-Hadith Rujukan:</i> <i>Turuq Takhrij Ḥadīth Rasūl al-Allāh</i> oleh ‘Abd al-Muhib ibn ‘Abd al-Hādi</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pengenalan, objektif dan faedah serta contoh-contoh • Jalan-jalan Takhrij

**Jadual 12: Subjek-subjek dalam bidang Hadis ditawarkan di Fakulti Usuluddin
(Tahun 3 Pengkhususan Tafsir & ‘Ulūm al-Qur’ān)**

Tahun 3			
Pengkhususan Tafsir & Ulūm al-Qurān	Sem 1	Subjek	Kandungan Kursus
		<p><i>al-Hadīth</i> Buku digunakan: <i>Ṣaḥīḥ Muslim bi Syarḥ al-Nawawi</i></p>	<p>Sambungan kepada subjek Hadis tahun 2, mengandungi tajuk-tajuk berikut: <i>Kitāb al-Nikāh, Kitāb al-Raḍā‘, Kitāb al-Talāq, Kitāb al-Buyū‘, Kitāb al-Farāid, Kitāb al-Hibāt, Kitāb al-Waṣīyyah dan Kitāb al-Nadhr.</i></p>
		<p><i>‘Ilm al-Rijāl & Manāhij al-Muḥaddithīn</i> Rujukan: Semua buku-buku yang disenaraikan pada subjek ‘Ulūm al-Hadīth semester 1&2.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Kedudukan al-sunnah dalam tasyrī‘, metod sahabat dalam meriwayat dan penulisan al-sunnah di zaman Nabi • Institusi Hadis di abad 1 Hijrah • Sahabat yang banyak meriwayat • Kesan isteri-isteri Nabi dalam pengembangan Hadis • Metodologi penulisan para sahabat pada abad ke dua Hijrah

Jadual 13: Subjek-subjek dalam bidang Hadis ditawarkan di Fakulti Syariah (Tahun 1)

Tahun 1		
	Subjek Hadis	Kandungan
Semester 2	<p><i>'Ulūm al-Hadīth</i></p> <p>Buku diguna:</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Tadrib al-Rāwī</i> oleh al-Suyūti <p>Rujukan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>'Ulūm al-Hadīth</i> oleh Ibn al-Šalāḥ • <i>Ma'rīfah 'Ulūm al-Hadīth</i> oleh al-Ḥākim • <i>Qawā'id al-Taḥdīth</i> oleh al-Qāsimi • <i>'Ulūm al-Hadīth</i> oleh Ṣubḥī al-Šāleḥ • <i>al-Hadīth wa al-Muḥaddithūn</i> • <i>Taisir Muṣṭalaḥ al-Hadīth</i> oleh al-Taḥḥān • <i>Fatḥ al-Mughīth</i> oleh al-Sakhāwi 	<ul style="list-style-type: none"> • Takrif dan sejarah perkembangan • Istilah <i>al-Sunnah, al-Hadīth, al-Khabar, al-Āthār, al-Hadīth al-Qudsi</i>. • <i>Hadīth Ṣaḥīḥ</i>, takrif dan jenis-jenis • Kitab-kitab <i>Hadīth ṣaḥīḥ</i> • <i>Al-Mustakhrajāt 'ala al-Ṣaḥīḥayn</i> • <i>Hadīth Ḥasan</i> dan kitab-kitab padanya, makna istilah-istilah <i>Maqbūl, Jayyid, Qawiyy, Ṣāleḥ, Ma'rūf, Mahfūz, Mujawwad</i> dan <i>Thābit</i>.

Jadual 14: Subjek-subjek bidang Hadis ditawarkan di Fakulti Syariah (Tahun 2)

Tahun 2		
	Subjek Bidang Hadis	Kandungan
Semester 2	<p><i>Aḥādīth al-Aḥkām</i></p> <p>Kitab-kitab rujukan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Fatḥ al-Bārī</i> • <i>Umdah al-Qāri'</i> • <i>Saḥīḥ Muslim bi Syarḥ al-Nawāwī</i> • <i>Nayl al-Awṭār</i> • <i>Al-Majmū' Syarḥ al-Muhaḍhdhab</i> • <i>Bidāyah al-Mujtahid</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Al-Siyām</i> • <i>Al-I'tikāf</i> • <i>Al-Zakāh</i>

**Jadual 15: Subjek-subjek dalam bidang Hadis
ditawarkan di Fakulti Syariah (Tahun 3)**

Tahun 3		
	Kursus ditawarkan	Kandungan
Semester 2	<p><i>Aḥādīth al-Aḥkām</i></p> <p>Kitab-kitab rujukan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Fatḥ al-Bārī</i> • <i>Umdat al-Qāri'</i> • <i>Šaḥīḥ Muslim bi Syarḥ al-Nawāwī</i> • <i>Nayl al-Awṭār</i> • <i>Al-Majmu' Syarḥ al-Muhadhdhab</i> • <i>Bidāyah al-Mujtahid</i> 	<p><i>Kitāb al-Buyū', al-Šulḥ, Aḥkām al-Jiwār, al-Syarikah, al-Wakālah, al-Masāqāh, al-Muzāra'ah, al-Ijārah, al-Syafā'ah, al-Luqātāh, al-Hibah, al-Waqf, al-Waṣāya, al-Farā'id, al-'Itq.</i></p>

Sumber: *Dalil Kulliyah Usuludin* (2003), Kulliyah Dar al-Quran al-Islamiyyah, Kuala Terengganu.

KESIMPULAN

Sebagai rumusan kepada kajian ini, dapatlah disimpulkan bahawa:

1. Terengganu sudah lama terkenal dengan ramai tokoh-tokoh ilmuan dan masyarakatnya pula terkenal sebagai masyarakat yang kuat berpegang kepada ajaran agama yang tinggi.
2. Perkembangan ilmu menerusi sistem pengajian pondok di samping pengajian tidak formal di masjid dan surau menjamin kesuburan hidup berilmu berterusan.
3. Mata pelajaran Hadis juga mendapat tempat yang seimbang dalam pengajaran dan penyampaian ilmu kepada masyarakat walaupun pendedahan yang diberikan tidak menyeluruh, demikian juga kitab-kitab yang diguna dalam pengajaran itu hanya berlegar di sekitar dua tiga kitab sahaja.
4. Tidak ada ulama yang betul-betul *takhaṣṣuṣ* dalam bidang Hadis atau yang layak digelar *al-muḥaddith*, yang memberikan pemberatan dalam pengajaran Hadis selain daripada seorang tokoh guru pondok mutakhir iaitu Tok Guru Haji Abbas (1909-1997).
5. Rata-rata ilmuan yang ditemubual berpandangan bahawa pengajian dan pengajaran dalam bidang Hadis secara khusus

tidak begitu berkembang di negeri Terengganu, apatah lagi dalam skop yang lebih spesifik seperti ilmu *mukhtalif al-Hadīth*, kalau pun ada pengajaran di sana sini, perbincangan lebih tertumpu kepada Hadis-hadis *aḥkām*.

6. Pendedahan terhadap ilmu Hadis di peringkat IPT didapati agak menyeluruh dan merangkumi pelbagai ilmu berkaitan bidang Hadis, sesuai dengan peringkat penawaran iaitu diploma dan ijazah. Namun begitu ia masih perlu dikemaskini dan dibuat penilaian dan penambah baikan dari masa ke semasa, kerana masih banyak tajuk-tajuk dan kandungan yang masih belum diliputi dalam kandungan yang dibincangkan di atas tadi. Begitulah juga dari sudut kitab-kitab rujukan, masih banyak lagi yang perlu diketengahkan khususnya kitab-kitab asasi Hadis selain daripada *kutub sittah* yang disebutkan dalam kandungan kursus dalam program-program pengajian di dua IPT di atas. Begitu juga dengan kitab-kitab *rijāl*, masih tidak banyak diperkenalkan, ini boleh dilakukan dalam peringkat yang lebih tinggi bila adanya universiti yang akan menawarkan pengajian di peringkat ijazah, sarjana dan seterusnya peringkat doktor falsafah.